



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM

Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047

Tarikh : 13 Mac 2018

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 14 TAHUN 2018

PENGUATKUASAAN AKTA KESALAHAN YANG BERHUBUNG DENGAN ANUGERAH 2017 (AKTA 787)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Lembaga ke-113 telah bersetuju untuk menerima pakai Akta 787 berhubung Penguatkuasaan Akta Kesalahan Yang Berhubung Dengan Anugerah 2017 **berkuatkuasa pada 24 Oktober 2017**.
3. Akta ini digubal bertujuan mengatasi isu-isu berikutan penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat termasuk penganugerahan oleh Negara Asing yang tidak diiktiraf semakin berleluasa. Sehubungan itu, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, JPM telah menyediakan dua (2) panduan umum sebagai memenuhi keperluan pelaksanaan Akta 787 dan kedua-duanya hendaklah dibaca bersama iaitu:
 - i. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2017 : Penerimaan Anugerah Asing Daripada Ketua Negara Asing Kepada Pegawai Kerajaan Yang Sedang Berkhidmat Di Luar Negara; dan
 - ii. Garis Panduan Penerimaan dan Pemakaian Anugerah Asing Bagi Warganegara Malaysia.
4. **Mana-mana pegawai Kerajaan** yang sedang berkhidmat di luar negara tidak dibenarkan untuk menerima tawaran pengurniaan Anugerah Asing oleh Ketua Negara Asing di mana pegawai berkenaan sedang berkhidmat. **Pengecualian:** pengurniaan Anugerah Asing kepada pegawai Kerajaan hanya boleh dilaksanakan setelah pegawai tersebut tidak lagi berkhidmat di negara berkenaan.

5. **Mana-mana warganegara Malaysia** tidak boleh menerima sebarang cadangan pengurniaan daripada Ketua Negara Asing secara individu. **Peraturan:** sekiranya menerima secara langsung daripada Ketua Negara Asing, **warganegara perlu memaklumkan kepada wakil negara berkenaan supaya mengemukakan cadangan penganugerahan melalui saluran diplomatik, Kementerian Luar Negara Malaysia.** Seseorang warganegara tidak boleh menerima Anugerah Asing sebelum perakuan Kerajaan dan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diperolehi.

Sekian, terima kasih .


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k Y Bhg. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah- Pengarah Bahagian

Lampiran I

PROSEDUR PENERIMAAN ANUGERAH ASING DARIPADA KETUA NEGARA ASING BAGI WARGANEGARA MALAYSIA



*Nota:

1. Warganegara Malaysia tidak boleh menerima sebarang cadangan pengurniaan daripada Ketua Negara Asing secara individu.
2. Semua cadangan pengurniaan perlu melalui prosedur yang ditetapkan seperti di **Rajah B**.